

D479

U B104 AAB
MAHATHIR - SINGAPURA

I

IPOH, 11 MAC (BERNAMA) -- MALAYSIA DAN SINGAPURA MASIH MENIKMATI HUBUNGAN DUA HALA YANG BAIK WALAUPUN TERDAPAT BEBERAPA MASALAH YANG BERBANGKIT DARI MASA KE SEMASA; KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN KETIKA MENJAWAB SOALAN PEMBERITAYANG MEMINTA BELIAU MENGULAS MENGENAI HUBUNGAN DUA HALA ANATARA MALAYSIA DENGAN REPUBLIK ITU BERIKUTAN BEBERAPA PERKEMBANGAN TERBARU TERMASUK TUDUHAN TENTANG KEGIATAN MENGINTIP OLEH NEGARA ITU KE ATAS MALAYSIA.

MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN, DATUK SABBARUDDIN CHIK JUGA BARU-BARU INI MENYOAL MENGENAI PERATURAN SEPARUH TANGKI KE ATAS KENDERAAN DARI REPUBLIK ITU YANG MEMASUKI JOHOR BAHARU MELALUI TAMBAK JOHOR. MENTERI ITU JUGA BERKATA BAHAWA SINGAPURA JUGA BERKEMPEN UNTUK SABOTAJ TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990.

APABILA DITANYA SAMA ADA LAWATAN SEHARI TIMBALAN PERDANA MENTERI SINGAPURA, ENCIK GOH CHOK TONG KE MALAYSIA BARU-BARU INI TELAH MENGUKUHKAN HUBUNGAN DUA HALA; BELIAU BERKATA: +IA TELAH MEMBANTU MEMBAIKI (HUBUNGAN).+ PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN TIDAK MENGULAS LEBIH LANJUT. -- LAGI.

1540MST 11 03 90

U B105 AAB
MAHATHIR - SINGAPURA 2 IPOH

KETIKA MENGULAS MENGENAI GESAAN KERAJAAN NEGERI JOHOR KEPADA KERAJAAN PUSAT AGAR MEMPERCEPATKAN PENANDATANGANAN PERJANJIAN BARU AIR DENGAN SINGAPURA, BELIAU BERKATA, KERAJAAN PUSAT TELAHPUN BERSETUJU UNTUK MEMBEKALKAN AIR KE SINGAPURA.

BAGAIMANAPUN, SOALNYA SEKARANG IALAH +BERAPA BANYAK PAMPASAN YANG HARUS DIBAYAR+ DAN MENAMBAH KATA BAHAWA JOHOR MENUNTUT LEBIH DARIPADA APA YANG SANGGUP DIBAYAR OLEH SINGAPURA.

MEMANDANGKAN URUSAN ITU MERUPAKAN URUSAN PERNIAGAAN, KEDUA-DUA BELAH PIHAK BOLEH BERUNDING LEBIH LANJUT UNTUK MENYELESAIKAN PERKARA ITU.

+SUDAH PASTI KITA MAHU MENGENAKAN KOS MAKSIMUM. JIKA KITA BOLEH MEMPEROLEHI LEBIH, MENGAPAKAH HARUS KITA TERIMA KURANG DARIPADA ITU,+ KATANYA.

PENGERUSI JAWATANAKUASA KERJA RAYA NEGERI JOHOR, ENCIK AHMAD ABDULLAH BERKATA KHAMIS LEPAS BAHAWA JOHOR TIDAK MAHU MENGENAKAN TEKANAN KE ATAS SINGAPURA AGAR MENANDATANGANI PERJANJIAN BARU ITU YANG TERMASUK SATU KADAR PEMBAYARAN BARU DARIPADA REPUBLIK ITU. -- LAGI.

1553MST 11 03 90

U B107 AAB
MAHATHIR - SINGAPURA 3 IPOH

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, KELULUSAN OLEH KERAJAAN JOHOR BAGI PROJEK EMPANGAN SUNGAI LINGGUI YANG MENELAN BELANJA \$200 JUTA DAN AKAN DIUSAHAKAN OLEH KERAJAAN SINGAPURA, BERGANTUNG KEPADA PENERIMAAN REPUBLIK ITU TERHADAP SYARAT-SYARAT BARU YANG DIKENAKAN OLEH JOHOR.

SINGAPURA KINI MEMBAYAR SEBANYAK TIGA SEN BAGI SETIAP 4,500 LITER AIR YANG BELUM DIBERSIHKAN YANG DIBELI DARI JOHOR TETAPI DI BAWAH KADAR FORMULA BARU SEKARANG BAGI BEKALAN AIR TAMBAHAN OLEH JOHOR KE SINGAPURA YANG DIKEMUKAKAN PADA TAHUN 1988, REPUBLIK ITU AKAN TERPAKSA MEMBAYAR HARGA AIR BERSIH BAGI SEMUA BEKALAN AIR TAMBAHAN KE REPUBLIK ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR, APABILA DIMINTA MENGULAS MENGENAI KEMUNGKINAN SINGAPURA MENDAPAT BEKALAN AIRNYA DARI PULAU BATAM DI INDONESIA BERKATA, TERPULANGLAH KEPADA KERAJAAN JOHOR UNTUK MENILAI KEMUNGKINAN ITU SEPERTI YANG MANA LEBIH MUNGKIN DIBUAT DAN YANG MANA LEBIH MURAH DAN LAIN-LAIN PERKARA LAGI.

+SEMUA INI ADALAH URUSNIAGA KOMERSIL. SAYA TIDAK MAHU MEMBINCANG MENGENAINYA DAN SAYA CUMA BERSETUJU TENTANG PEMBEKALAN AIR KE SINGAPURA,+ TAMBAHNYA.

MENGENAI STATUS PANGKALAN TENTERA LAUT MALAYSIA DI WOODLANDS, SINGAPURA, BELIAU BERKATA, KEMUDAHAN ITU ADALAH MILIK MALAYSIA SELAGI IA DIGUNAKAN SEBAGAI PANGKALAN TENTERA LAUT. -- BERNAMA.
1610MST 11 03 90